

25/08/2003

Pegawai penerangan akan dilatih berucap

KOTA BHARU: Jabatan Perkhidmatan Penerangan diminta mewujudkan panel pemedato bagi meningkatkan kemahiran dan ketrampilan pegawai penerangan berucap serta berhujah dalam pelbagai bidang berkaitan dasar negara.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata pegawai penerangan juga perlu mahir berucap bukan saja dalam bahasa Melayu, tetapi pelbagai bahasa lain seperti Inggeris, Jepun, Perancis dan Arab.

Selain itu, beliau berkata, kemampuan menguasai dialek tempatan seperti Iban, Bidayah dan Kadazan juga diperlukan.

"Penguasaan pelbagai bahasa ini dalam menyampaikan pidato amat penting bagi menjelaskan dasar negara kepada rakyat," katanya berucap merasmikan Pertandingan Akhir Pidato Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2003 di dewan utama, Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, di sini, petang semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Seri Dr Arshad Hashim.

Khalil berkata, pegawai penerangan perlu mahir dalam pengucapan awam kerana ia menjadi sebahagian daripada tugas penting untuk mengubah sikap kumpulan sasar bagi memastikan dasar kerajaan difahami semua pihak.

Beliau berkata, pada zaman ini kemahiran berpidato digunakan oleh banyak pihak bagi mendapatkan pengaruh serta dijadikan profesion yang boleh memberikan pendapatan lumayan.

Katanya, hingga kini Malaysia belum mempunyai tokoh pemedato hebat dan boleh menikmati bayaran setanding atau separuh daripada apa yang diperolehi pemedato barat bagi sesuatu ucapan penting.

"Ini mungkin disebabkan masyarakat kita belum boleh menilai seseorang pemedato yang baik dengan tukang cakap yang kurang baik tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan apabila menjelang sesuatu pilihan raya," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia boleh berbangga dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana mempunyai kemahiran dan ketrampilan semula jadi berpidato terutama pada peringkat antarabangsa.

Pada pertandingan itu, pemedato dari Perlis, Khairul Zaidi Mansor, muncul juara dengan membolot Piala Setia Perdana bersama wang tunai RM3,000 dan sijil penyertaan.

Sementara naib johan dimenangi pemedato dari Kedah, Mohd Daud Mat Din, menerima wang tunai RM2,000 dan sijil, manakala pemenang ketiga, pemedato dari Selangor, Che Khairul Che Ahmad, membawa pulang wang tunai RM1,000 dan sijil.